



Sambutan Hari Perikanan itu diraikan bersempena HPPNK 2019 yang akan berlangsung pada 28 November hingga 1 Disember ini di Angsana Johor Bahru Mall.



Nelayan turut menerima sumbangan peralatan keselamatan beacon (PLB) dan jaket keselamatan pada sambutan Hari Perikanan semalam.



Salahuddin beramah mesra dengan peserta pertandingan memasak gulai asam pedas pada sambutan Hari Perikanan di Pusat Perdagangan Pontian semalam.

Johor penyumbang keempat terbesar ikan negara



Salahuddin (tiga dari kanan) menyerahkan bantuan tong ikan kepada nelayan.

PONTIAN

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Salahuddin Ayub merasmikan sambutan Hari Perikanan di Pusat Perdagangan Pontian di sini bersempena Road To Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan (HPPNK) 2019.

Salahuddin berkata, Johor berpotensi menjadi negeri keempat penyumbang terbesar kepada pengeluaran perikanan negara apabila menghasilkan hampir 65,000 tan metrik ikan setahun melibatkan hampir 10,000 nelayan dan 700 penternak akuakultur.

Menurutnya, daerah Pontian menyumbang 10,300 tan metrik ikan setahun dengan anggaran nilai sehingga RM90 juta kepada negeri ini dengan seramai 2,431 nelayan.

Pada program berasingan, seramai 81 agropreneur muda dari negeri ini mengikuti Kursus Asas Industri Asas Tani di Kukup Golf Resort.

Kursus bertujuan meningkatkan pengeluaran hasil dan pendapatan golongan usahawan muda itu dirasmikan Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar), Dr Zunika Mohamed.



Sebahagian usahawan muda yang mengikuti Kursus Asas Industri Asas Tani bersama Dr Zunika (empat dari kiri) dan Pengarah Unit Agropreneur Muda (UAM), Mohammad Ezri Shamsuddin (depan, tiga dari kanan) selepas majlis penutup di Kukup Golf Resort semalam.



Dr Zunika (tiga dari kanan) menyampaikan sijil penyertaan kepada peserta Kursus Asas Industri Asas Tani di Kukup Golf Resort semalam.



Dr Zunika sempat meluangkan masa bertemu peserta agropreneur muda yang hadir pada Kursus Asas Industri Asas Tani semalam.